



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PELAN STRATEGIK 2021-2025

Keusahawanan
Teras Kami





UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PELAN STRATEGIK 2021-2025

Keusahawanan
Teras Kami

PELAN STRATEGIK UMK 2021-2025

Hak Cipta Terpelihara © 2021. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Pusat Strategik & Risiko, Universiti Malaysia Kelantan.

Diterbitkan oleh:

Pusat Strategik & Risiko

Universiti Malaysia Kelantan

16310 Bachok, Kelantan, Malaysia.

<http://csr.umk.edu.my>

E-mel: psr@umk.edu.my

Set in Roboto

Reka bentuk: Pusat Strategik & Risiko, UMK

Reka letak: Pusat Strategik & Risiko, UMK

ISI KANDUNGAN

Bicara Pengerusi LPU	08
Tinta Naib Canselor	09
Merealisasikan Harapan	10
Ringkasan Eksekutif	11
Latar Belakang Universiti	12
Teras 1: Keunggulan Pelajar	23
Teras 2: Kelestarian Kewangan	27
Teras 3: Keunggulan Bakat	31
Teras 4: Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi	37
Teras 5: Kerelevanan Program Akademik dan Pengantarabangsaan	47
Teras 6: Kebutaraan Keusahawanan	57
Kesimpulan	66
Aktiviti Penggubalan	68
Penghargaan	70
Singkatan	73

TIADA YANG MUSTAHIL

Kesungguhan, kegigihan, kecekalan dan semangat juang tinggi untuk menempuh perjalanan yang mungkin pahit pada awalnya tetapi berharga pada akhirnya.

Kita #BinaLegasiUMK Bersama
#OneTeamOneDream
#WeAreUMKFamily



VISI

Menjadi peneraju pembangunan insan seimbang dan holistik bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global

MISI

Kami menyediakan program akademik dan latihan berkualiti dan relevan, penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi, perkhidmatan yang efektif dan efisien dan mengutamakan persekitaran kondusif serta memenuhi tanggungjawab sosial

A portrait of Dato' (Dr.) Husamuddin Hj. Yaacub, an older man with white hair and glasses, wearing a blue and white patterned shirt. He is smiling slightly and looking towards the camera. The background is a blurred office setting.

BICARA PENGERUSI LPU

Dato' (Dr.) Husamuddin Hj. Yaacub
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Pelan Strategik UMK 2021-2025 telah berjaya dihasilkan. Saya mewakili Lembaga Pengarah Universiti ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam menyumbang idea bernas bagi menjayakan penghasilan buku ini.

Pelan Strategik UMK 2021-2025 ini dilihat sebagai sebuah dokumen rasmi utama yang mendasari Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan juga kesinambungan kepada Buku Pelan Strategik UMK sebelum ini. Apa yang menarik ialah buku ini turut mengambil kira perkembangan semasa, kerelevanan dan kelestarian universiti ke arah merealisasikan visi dan misi pendidikan tinggi Malaysia. Tambahan pula, Pelan Strategik UMK 2021-2025 ini juga menyuntik elemen keseimbangan di antara fizikal, intelektual dan spiritual sama ada yang tersurat mahupun tersirat bermanifestasikan kepada kesejahteraan insan sejagat.

Akhir kata, diharapkan agar semua warga UMK dapat menghayati intipati Pelan Strategik UMK 2021-2025 ini dan seterusnya dijadikan sebagai sumber rujukan utama dalam melaksanakan dasar pembangunan universiti demi merealisasikan visi dan misi UMK.

A photograph of Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Ismail, the Deputy Vice-Chancellor of Universiti Malaysia Kelantan (UMK). He is seated in a black office chair, wearing a blue button-down shirt with an 'ASTON MARTIN RACING' logo on the left chest. He is gesturing with his hands as if speaking. The background shows an office desk with papers, a water bottle, and a vase of flowers.

TINTA NAIB CANSELOR

Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Ismail
Naib Canselor


Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Segala puji bagi Allah, kerana dengan keizinan-Nya jua, warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) sekali lagi telah berganding bahu dalam menyediakan perancangan lima (5) tahun ke hadapan yang diterjemahkan melalui penggubalan Pelan Strategik UMK 2021-2025. Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana kita telah berjaya menerbitkan Pelan Strategik UMK 2021-2025 sebagai buku rujukan utama ke arah memacukan lagi kecemerlangan universiti. Selaku Naib Canselor, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kepada Pusat Strategik & Risiko (PSR) yang begitu komited dalam menghasilkan buku ini.

Sebagai sebuah Universiti Keusahawanan No.1 di Malaysia, UMK sentiasa menyokong hasrat Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dalam merealisasikan misi serta visi negara terutamanya dalam aspek berkaitan melahirkan modal insan yang berintegriti tinggi, holistik, seimbang dan berminda keusahawanan. Justeru, penetapan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pemilihan Inisiatif Strategik yang signifikan dan berimpak tinggi akan memastikan UMK berada di landasan yang betul dalam bersama-sama untuk menterjemahkan matlamat dan hala tuju keusahawanan negara. Akhir kata, semoga setiap warga UMK dapat memberi kerjasama dan komitmen yang tinggi dalam merealisasikan inspirasi UMK seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik UMK 2021-2025 ini.

MEREALISASIKAN HARAPAN

> Usahawan Graduan



Matlamat strategik yang utama ialah untuk memacu UMK menjadi sebuah Universiti Keusahawanan terunggul di rantau Asia dan menjadi antara yang terbaik di dunia menjelang tahun 2030. Justeru itu, UMK telah berjaya dinobatkan sebagai Universiti Keusahawanan No. 1 di Malaysia berdasarkan kepada pencapaian 15% Usahawan Graduan pada tahun 2020 yang merupakan nilai tertinggi dalam kalangan Universiti Awam (UA).

Oleh itu, berdasarkan pencapaian cemerlang ini, UMK telah bertekad untuk melahirkan Usahawan Graduan terbilang yang berupaya menginovasi produk dan perkhidmatan ke tahap dan nilai yang lebih tinggi berasaskan kepada sains dan teknologi. Usaha ini amat penting bagi mempercepatkan hala tuju Malaysia ke arah negara berteknologi dan berpendapatan tinggi melalui penyelesaian inovatif.

// Bagi merealisasikan harapan ini, ia telah dirangkumkan sepenuhnya dan dipacu sebaiknya di dalam Teras Strategik Keunggulan Pelajar, Keunggulan Bakat Akademik, Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi, Kelestarian Kewangan, Kerelevanan Program Akademik dan Pengantarabangsaan, serta Kebitaraan Keusahawanan. Sehubungan itu, setiap Teras Strategik ini akan dikawal selia sepenuhnya oleh enam (6) Peneraju utama. Komitmen bagi menjayakan pelan strategik adalah berbentuk kolektif dan demokratik iaitu seluruh warga universiti bertanggungjawab bersama dalam melaksanakan dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Usaha secara bersepadu dalam kalangan warga UMK bagi mencapai hasrat dan wawasan sebagai

Universiti Keusahawanan Terunggul 2030



Pemantauan dan pelaporan terhadap pencapaian dan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) adalah mengikut empat (4) sukuan dalam setahun. Adalah dijangkakan Objektif Strategik akan terus kekal manakala KPI, Inisiatif Strategik dan penetapan sasaran berkemungkinan akan berlaku pengubahsuaian bagi menangani faktor luar kawalan dan perubahan dalam persekitaran operasi. Namun, selagi tidak ada arahan atau keperluan untuk membuat perubahan, sasaran sedia ada akan terus berkekalan sepanjang tempoh pelaksanaan pelan strategik ini.

Asas utama terhadap pelaksanaan pelan strategik Universiti digariskan dalam pelan tindakan strategik yang akan dibangunkan oleh setiap peneraju dan pusat tanggungjawab. Penyediaan pelan tindakan strategik ini akan membuat perincian lanjut tentang bagaimana aktiviti atau tindakan paling ampuh dalam merealisasikan Objektif Strategik yang ditetapkan pada peringkat universiti.

A close-up photograph of several hands holding white puzzle pieces, arranged in a circle. The background is a soft, warm orange-red gradient. The puzzle pieces are being held together, symbolizing teamwork and collaboration.

//

*Coming together is a beginning.
Keeping together is progress.
Working together is **SUCCESS.***

- Henry Ford -

Ringkasan Eksekutif

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) beriltizam untuk menjadi antara kelompok elit Universiti Keusahawanan bertaraf antarabangsa melalui pelaksanaan Pelan Strategik UMK 2021-2025. Asas utama yang mendasarinya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia– Pendidikan Tinggi (PPPM-PT) 2015-2025 dan Pelan Tindakan Keusahawanan 2021-2025. Pelan strategik baharu ini masih mengekalkan visi asal untuk menjadi peneraju kepada pembangunan insan yang holistik, seimbang dan berminda keusahawanan demi mencapai kesejahteraan global. Ini sangat sinergi dan bertepatan dengan moto UMK iaitu “Keusahawanan Teras Kami”.

Pelan Strategik UMK 2021-2025 mengandungi enam (6) teras utama yang menyokong secara langsung dan tidak langsung kepada fungsi UMK sebagai Universiti Keusahawanan. Enam (6) teras tersebut adalah terdiri daripada Keunggulan Pelajar, Kelestarian Kewangan, Keunggulan Bakat, Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi, Kerelevanan Program Akademik dan Pengantarabangsaan serta Kebitaraan Keusahawanan. Bagi memastikan enam (6) teras ini dapat direalisasikan dalam tempoh berkenaan, ia disokong oleh 16 Objektif Strategi (OS), 54 Inisiatif Strategik (IS), di samping 22 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) serta 77 Kaedah Pengukuran (KP) yang dinamik dan mengikut kesesuaian semasa. Pemantauan Pelan Strategik ini berdasarkan kepada pencapaian KPI yang telah disejajarkan dengan KPI *Minister Performance Indicator, Outcome Based Budget* dan Keusahawanan pada peringkat kementerian.

Setiap peneraju akan dipertanggungjawab sepenuhnya bagi melancarkan keberkesanan pelaksanaan terhadap setiap inisiatif strategik. Tambahan pula UMK mempunyai tiga (3) nilai teras utama yang menjadi pegangan dan budaya warga universiti dalam rangka mengemudi UMK ke arah kegemilangan. Nilai-nilai tersebut adalah kreatif dan inovatif, kesediaan untuk membuat dan menerima perubahan, serta bersikap profesional dalam segala tindakan. Pelan Strategik UMK 2021-2025 merupakan sebuah rujukan utama bagi memberikan visual keseluruhan kepada warga universiti dalam mengorak langkah bersama ke arah merealisasikan hasrat untuk menjadi Universiti Keusahawanan terbaik sehingga ke persada antarabangsa.



SEJARAH PENUBUHAN

UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB Dato' Seri (kini Tun) Abdullah bin Ahmad Badawi. Ia kemudiannya diluluskan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006. Falsafah Kurikulum Pengajian UMK adalah berteraskan kepada Pendidikan Keusahawanan iaitu frasa "Entrepreneurship is Our Thrust" telah digunakan secara meluas. Pada peringkat awal, empat (4) kelompok bidang teras telah diberi penekanan iaitu keusahawanan dan perniagaan, agro Industri dan sumber asli, teknologi kreatif dan warisan, dan perubatan veterinar. Kesemua kurikulum pengajian di UMK mewajibkan ilmu keusahawanan iaitu mewakili tidak kurang daripada 10 peratus jumlah jam kredit setiap kurikulum. Kesemua program pengajian diperkasakan dengan kemahiran insaniah bagi melahirkan modal insan negara yang berkualiti tinggi yang memiliki atribut keusahawanan. Modal insan ini bukan sahaja memacu ke arah peningkatan keupayaan

dan kemampuan bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) malah turut menyumbang kepada pembangunan masyarakat perdagangan dan perindustrian. Dalam semua pelaksanaan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) digunakan sebagai pengupaya. UMK akan terus dibangunkan bagi memenuhi kehendak perintah pemerbadanan iaitu: "Maka hendaklah ditubuhkan suatu institusi pengajian tinggi yang mempunyai taraf universiti, sebagai suatu pertubuhan perbadanan, bagi maksud mengadakan, memajukan dan mengembangkan pengajian tinggi dalam bidang industri kecil dan sederhana, keusahawanan, perbankan, kewangan dan perniagaan Islam, bioteknologi, agrobioteknologi, biokimia, bioinformatik, seni dan reka bentuk kreatif, pengajian bahasa seperti Bahasa Arab, Bahasa Jepun, Bahasa Perancis, Bahasa Mandarin dan lain-lain, industri berasaskan pertanian, sumber asli dan industri pembuatan, dan bidang pengajian lain yang perlu, serta mengadakan penyelidikan dan pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian itu."

-Warta Kerajaan P.U. (A) 415/2006

PERMULAAN OPERASI

Pengurusan dan pentadbiran UMK bermula di tiga (3) tempat dengan pengkhususan yang berbeza iaitu di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk urusan kewangan, pejabat sementara UMK di Villa Institut Perguruan Kota Bharu (IPKB), Pengkalan Chepa bagi urusan pentadbiran umum, manakala urusan pentadbiran pembangunan beroperasi di pejabat sementara UMK Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Putrajaya serta dibantu oleh Pegawai KPT. Staf tenaga penggerak UMK melapor diri di pejabat sementara UMK di Villa IPKB pada 15 Januari 2007. Dalam tempoh beberapa hari permulaan operasi itu, UMK telah menerima kunjungan beberapa tetamu dari KPT dan universiti-universiti tempatan lain. Mulai Jun 2007, UMK beroperasi di kampus sementara Taman Bandahara, dengan keluasan kira-kira 10,500 meter persegi luas lantai yang disediakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Manakala di IPKB pula satu blok enam (6) bilik kuliah, sebuah villa dan dua (2) unit makmal disediakan. Keseluruhannya dianggarkan kos sebanyak RM20.7 juta telah dibelanjakan untuk tujuan pembangunan Kampus Sementara tersebut.

PERASMIAN OPERASI DAN PELANCARAN PELAN PEMBANGUNAN UMK

Majlis Perasmian Operasi dan Pelancaran Pelan Pembangunan UMK telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri (kini Tun) Abdullah bin Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-5 pada 3 Ogos 2007 di kampus sementara UMK Pengkalan Chepa. Majlis ini merupakan yang julung kali diadakan di Kelantan memandangkan UMK adalah sebuah Intituti Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pertama di negeri ini. Majlis tersebut telah dihadiri oleh warga kampus, peniaga tempatan dan penduduk setempat sebagai simbolik sokongan terhadap penubuhan sebuah universiti awam di negeri ini. Dalam majlis ini, Naib Canselor pertama UMK telah menyampaikan taklimat pembangunan universiti kepada YAB. Perdana Menteri berkaitan perancangan dan pembangunan semasa serta masa hadapan UMK. Dengan penubuhan UMK ini, ia telah memberi limpahan gelembung ekonomi kepada masyarakat setempat khususnya, dan negeri Kelantan amnya apabila peluang-peluang pekerjaan telah mula ditawarkan dan kegiatan ekonomi beroperasi serta peningkatan kemudahan infrastruktur mula diperkasakan. Perkembangan positif kepada negeri Kelantan menjadi pemangkin kepada perkembangan sosioekonomi dan peningkatan taraf hidup masyarakat .



LOGO DAN FALSAFAH



- Logo Universiti Malaysia Kelantan (UMK) simbolik kepada penekanan kepada huruf "U", "M" dan "K". Reka bentuknya melambangkan unsur dan sifat universiti yang terbuka dan merentasi zaman. Manakala bentuk *hour glass* pula menggambarkan tiada had untuk tempoh masa dalam proses pembelajaran iaitu penggalakan pembelajaran sepanjang hayat. Ia juga melambangkan unsur kromosom yang aktif dan dinamik serta kejadian alam (*a part of nature*).
- Proses ini disokong dengan lambang dua tangan yang memohon restu dan keredhaan serta sentiasa bersyukur. Gambaran imej kromosom melambangkan sifat aktif dan dinamik semasa berinteraksi dengan persekitaran universiti. Pemilihan warna "biru" adalah untuk Malaysia, "merah" untuk Kelantan dan "jingga" warna semula jadi buah pinang masak yang merujuk kepada warisan.
- Logo ini didukung oleh Falsafah UMK yang memberi penekanan kepada enam (6) aspek utama iaitu:
 - Pendidikan keusahawanan;
 - Bahasa ketiga;
 - ICT sebagai pengupaya;
 - Pembelajaran sepanjang hayat;
 - Modal insan yang berkualiti; dan
 - Keunikan dan relevan.

3 NILAI TERAS

Setiap warga UMK yang terdiri daripada pelajar dan staf mendukung teras nilai yang sama bagi membentuk satu identiti universiti. Tiga (3) nilai teras UMK adalah seperti berikut :

- Kreatif dan inovatif;
- Kesiediaan untuk membuat dan menerima perubahan; serta
- Bersikap profesional dalam segala tindakan.

01. KREATIF DAN INOVATIF

Warga UMK harus sentiasa mempertingkatkan kualiti kerja dengan menambah baik prosedur kerja dan memberi perhatian kepada amalan terbaik supaya penyampaian lebih efektif, lebih pantas (efisien) dan menambah kepuasan kepada pengguna. Seterusnya, warga UMK juga perlu memperkenalkan produk, kaedah atau pendekatan baharu dalam penawaran perkhidmatan pendidikan keusahawanan dengan mengambil kira penyesuaian kepada perubahan persekitaran. Kreativiti harus digunakan dalam penyelesaian masalah yang rumit walaupun dengan sumber terhad tetapi kehendak pengguna dapat dipenuhi seperti yang diharapkan. Di samping itu, warga UMK wajar bersedia meneroka kepelbagaian kemungkinan dengan memperkenalkan idea baharu dan unik bagi mencipta peluang-peluang baharu.

02. KESEDIAAN UNTUK MEMBUAT DAN MENERIMA PERUBAHAN

Warga UMK perlu bersedia untuk mempelajari dan meneroka ilmu baharu untuk meningkatkan keupayaan diri semasa melaksanakan tanggungjawab. Mereka juga harus mengambil sikap positif kepada teguran yang membina sebagai proses pemantapan hasil kerja. Sikap keterbukaan ini membentuk individu yang fleksibel, serba boleh, berdaya saing dan mempunyai ketahanan diri yang tinggi. Seterusnya, warga UMK wajar bersedia menyesuaikan diri mengikut perubahan persekitaran kerja dan tanggungjawab.


03. PROFESIONAL


Warga UMK harus berpengetahuan luas, berkemahiran dan kompeten dalam bidang kepakaran atau tanggungjawab. Mereka perlu mengutamakan pelaksanaan tanggungjawab dengan memainkan peranan secara efisien dan efektif mengikut disiplin tugas dan etika bidang kepakaran. Warga universiti sentiasa memberi penekanan kepada pencapaian Visi UMK dengan mengamalkan sikap mesra dan endah, berintegriti, partisipatif, jujur dan amanah, bertanggungjawab dan komited serta bersyukur dan redha. Akhir sekali, warga universiti wajar bersedia untuk memimpin dan memberikan kerjasama serta sokongan apabila dipimpin semasa melaksanakan tugas.

PROSES PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK UMK 2021-2025

Pelan Strategik Universiti Malaysia Kelantan (PSUMK) 2021 - 2025 telah berjaya dibangunkan secara holistik berdasarkan penilaian keseluruhan frasa pembangunan UMK semenjak penubuhannya pada September 2006. Oleh itu, bagi memastikan perancangan dan maklumat yang termaktub dalam Pelan Strategik ini mencapai objektif dan relevan dengan keadaan semasa, UMK telah melantik enam (6) Peneraju Utama yang terdiri daripada tiga (3) Timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Bendahari dan Pengarah Kanan UMK-EI yang bertindak sebagai ketua pemikir dengan dibantu oleh Ahli Senat, wakil pensyarah dan pentadbir universiti untuk turut serta menyumbang tenaga dan idea dalam pelaksanaan pembangunan PSUMK 2021 -2025.

Justeru, bermula dengan bengkel penilaian pencapaian semasa Pelan Strategik UMK 2016-2020 dengan pihak pengurusan universiti pada Mac 2020, beberapa sesi percambahan idea sama ada mengikut Pusat Tanggungjawab (PTj) Peneraju mahupun Fakulti masing-masing telah dijalankan secara aktif bagi menyediakan input berguna kepada pembangunan Pelan Strategik UMK yang baharu untuk tahun 2021 sehingga 2025.





Sehubungan itu, pada 14 Julai 2020, telah diadakan taklimat utama yang melibatkan Naib Canselor dan Peneraju bagi menerangkan tentang kerangka PSUMK 2021 - 2025. Melalui taklimat ini, analisis pencapaian KPI semasa dan tahun sebelum ini berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan dijadikan asas perbincangan dengan merujuk Hala Tuju dan Pelan Strategik UMK 2010 - 2020. Taklimat ini juga telah memaparkan kesemua sembilan belas (19) KPI yang ditetapkan untuk UMK mengikut kategori KPI iaitu empat (4) *KPI Minister Performance Indicator (MPI)*, sebelas (11) *KPI Outcome-Based Budget (OBB)* dan empat (4) KPI Keusahawanan.

Selain itu juga, Bengkel Dalaman PSUMK 2021-2025 (Siri 1) bersama Peneraju dan Ahli kumpulan telah diadakan secara intensif sehingga ke minggu ketiga bulan Ogos 2020. Bengkel ini juga turut melibatkan beberapa perwakilan daripada kalangan pentadbir universiti dan pensyarah selain penglibatan Ahli Senat. Semasa sesi diadakan, pelbagai input baharu telah diperolehi, iaitu beberapa KPI sedia ada telah digugurkan dan begitu juga terdapat beberapa KPI baharu telah diperkenalkan.

Manakala, pada 24 hingga 26 Ogos 2020 telah diadakan Bengkel Pembangunan PSUMK 2021-2025 (Siri 2) bersama Naib Canselor, Pegawai Utama dan Pegawai Kanan Universiti. Bengkel ini merupakan platform bagi sesi pembentangan, perbahasan dan pemurnian yang melibatkan penyertaan melebihi 50 orang peserta. Objektifnya adalah untuk memastikan bahawa PSUMK 2021-2025 berpadanan dengan hala tuju UMK sebagai sebuah Universiti Keusahawanan sekali gus mencapai target untuk menjadi Universiti terbaik di rantau ASEAN dan global amnya.



Dapatan daripada bengkel ini telah berjaya mengenal pasti **enam (6) Teras Strategik yang terangkum beberapa elemen asas pelan strategik iaitu Objektif Strategik, KPI dan Inisiatif Strategik**. Pendekatan bagi corak penulisan telah ditambah baik bagi memastikan ketepatan, keseragaman dan keharmonian antara satu sama lain terutamanya yang melibatkan MPI, OBB dan Keusahawanan.

Bengkel ini telah memberi peluang kepada semua peserta untuk memahami elemen asas pelan strategik secara menyeluruh yang mewakili setiap Peneraju dan memberikan peluang untuk memberi cadangan penambahbaikan. Melalui bengkel ini juga, Naib Canselor telah menjelaskan secara terperinci tentang hala tuju, strategi mapan dan “quick win” yang harus dimainkan oleh setiap Peneraju bagi memastikan sasaran yang diharapkan dapat dicapai dengan sebaik mungkin.

Pada 14 Oktober 2020, Bengkel Pemurnian PSUMK 2021-2025 (Siri 3) telah diadakan bersama Naib Canselor, Peneraju dan Ketua kumpulan. Semasa sesi bengkel terakhir ini, pihak PSR telah diberi peranan untuk membentangkan semua Objektif Strategik, KPI, Inisiatif Strategik dan Kaedah Pengukuran bagi setiap Peneraju berdasarkan kepada penambahbaikan yang telah dibuat hasil daripada Bengkel Siri 2.

Terdapat beberapa pengubahsuaian dibuat dan satu (1) kategori baharu KPI telah diperkenalkan dan menjadikan kesemuanya empat (4) iaitu MPI, OBB, Keusahawanan dan Dalaman. Hasil daripada kesemua elemen yang telah dimuktamadkan ini telah membolehkan Peneraju untuk mencadangkan sasaran bagi KPI dan Kaedah Pengukuran.

Sepanjang bulan November 2020, beberapa siri perbincangan telah dijalankan pada peringkat Peneraju bagi membincangkan sasaran terbaik terhadap KPI dan kaedah pengukuran yang telah dipersetujui. Penetapan sasaran ini dibuat dengan memastikan ia adalah realistik dan boleh dicapai berdasarkan kepada relatif penanda aras dalaman, luaran dan amalan terbaik antarabangsa.

Bagi menjamin kualiti bahasa yang digunakan, beberapa pakar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris telah dilantik khusus bagi menjamin kualiti bahasa serta penulisan yang digunakan.

Pada akhir Disember 2020, deraf penuh telah berjaya disediakan iaitu setelah melalui beberapa siri semakan dan pemurnian. Deraf penuh Pelan Strategik UMK 2021-2025 telah diperaku pada peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) pada 10 Januari 2021 dan seterusnya telah mendapat kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) yang bersidang pada 22 Februari 2021.

Pihak PTj berkaitan khususnya terdiri daripada fakulti dan pusat kecemerlangan telah dilibatkan secara langsung bagi membincangkan penetapan sasaran dan pendekatan bagi penurunan sasaran KPI dan Kaedah Pengukuran kepada mereka. Pada penghujung November 2020, gerak kerja reka letak, reka bentuk dan penulisan deraf buku Pelan Strategik UMK 2021-2025 telah dijalankan.





“

Kita perlu tanamkan juga kepada pelajar kita agar mereka tidak hanya rasa bangga dengan UMK, tetapi sentiasa merindui UMK tatkala mereka menjadi alumni dan kembali memberi sumbangan kepada UMK.

TERAS 1 KEUNGGULAN PELAJAR

Pelajar universiti ialah pemimpin pada masa hadapan dan merupakan antara aset terpenting dalam pembangunan negara. Sehubungan itu, tumpuan khusus telah diberikan kepada inisiatif berbentuk meningkatkan jati diri unggul, keterampilan, bakat mobiliti dan juga pemprofilan bukan akademik pelajar bagi tujuan pemerkasaan pelajar. Selain dilengkapi dengan ciri keusahawanan, graduan UMK juga lebih holistik dan seimbang sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Bagi tujuan tersebut, semua graduan UMK akan dilengkapi dengan nilai-nilai murni, disiplin ilmu yang relevan, mempunyai akhlak terpuji dan penetapan minda yang bersesuaian, sentiasa menjaga tingkah laku dan berpegang kepada keutamaan beradab mulia. Penggarapan elemen ini akan membolehkan pelajar bukan sahaja berupaya untuk memajukan diri mereka sendiri semasa dalam pengajian, malahan turut membolehkan mereka untuk memberi sumbangan bermakna kepada keharmonian dan kemajuan keluarga, masyarakat, negara dan komuniti global selepas bergraduasi nanti.




KEBOLEHPASARAN GRADUAN 2016-2020

PEMBENTUKAN
GRADUAN
KELAS PERTAMA
AGAR MENJADI REBUTAN
PIHAK INDUSTRI

Definisi:

Graduan yang menjalankan pekerjaan sendiri, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran dan menunggu penempatan pekerjaan




Sumber:

Data Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni
berdasarkan Data SKPG2.0 KPT
sehingga 1 Mac 2021

OS1:

MENAIKKAN KEMAMPUAN PASARAN GRADUAN (SKPG#2)

🎯 KPI 1: Peratusan kebolehpasaran graduan



Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Memperkasakan keterampilan pelajar melalui program perkembangan kerjaya pelajar berperingkat	Peratusan pelajar menyertai program <i>Starting, Pre</i> dan <i>Finishing School</i>
2 Meningkatkan bakat mobiliti dalam kalangan pelajar menerusi pendedahan pengalaman di luar negara	Bilangan pelajar yang menyertai program <i>inbound/outbound/latihan Industri</i> di luar negara
3 Mengintegrasikan semua profil bukan akademik pelajar melalui sistem pemprofilan pelajar	Peratusan pelajar mengemaskini profil pelajar bukan akademik dalam sistem pemprofilan pelajar
4 Meningkatkan pelaksanaan program berimpak tinggi melalui Dana Kebolehpasaran Graduan (GE) tajaan agensi kerajaan/swasta	Jumlah dana GE yang diterima Bilangan program berimpak tinggi yang dijalankan

“

Sistem kawalan dan prosedur yang telus serta mampu menjana pendapatan sendiri untuk universiti menjadi lebih berdaya maju (*viability*).



TERAS 2 KELESTARIAN KEWANGAN

Kewangan merupakan satu daripada pemangkin utama dalam menyokong dan menjamin kelangsungan sesebuah organisasi. Kelestarian kewangan universiti menjadi satu keperluan mendesak dan tanggungjawab kepada semua pihak. Dalam era yang semakin mencabar ini, kelestarian kewangan universiti akan difokuskan kepada kepelbagaian sumber penajaan dan pengurusan wang secara yang lebih berhemah. Universiti sebenarnya mempunyai fleksibiliti untuk membuat keputusan sendiri dalam pelaksanaan pengurusan sumber secara yang lebih efektif dan cekap.

Sehubungan itu, tumpuan khusus telah diberikan kepada inisiatif penajaan pendapatan yang berbentuk antaranya seperti peningkatan pendaftaran pelajar, peranan anak syarikat, pengkomersialan, keusahawanan, sumbangan luar dan *monitization of asset*. Peningkatan kos dan kekangan belanjawan universiti telah memberikan impak secara langsung dan memerlukan akauntabiliti daripada semua pihak. Sehubungan itu, inisiatif ini dijangka mampu memberi impak yang positif terhadap kelestarian pengurusan kewangan universiti.



30.84%

**PENJANAAN ×
PENDAPATAN**

TAHUN 2020
SASARAN 20%



SIJIL AUDIT BERSIH
PENYATA KEWANGAN
2018-2019


21%
TAHUN 2016
SASARAN 15%

Sumber: Pejabat Bendahari sehingga Disember 2020

OS2:

MEMPERGIAT AKTIVITI PENJANAAN PENDAPATAN UNIVERSITI UNTUK MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA SUMBER KEWANGAN DARI KERAJAAN

🎯 **KPI 2: Peratusan penjanaan pendapatan (RM) sendiri berbanding dengan perbelanjaan operasi universiti**



Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Meningkatkan pendapatan melalui pengoptimuman enrolmen pelajar	Jumlah pendapatan yang dijana melalui enrolmen pelajar
2 Meningkatkan sumbangan melalui pendapatan anak syarikat	Jumlah pendapatan yang dijana melalui sumbangan anak syarikat
3 Menambahkan pendapatan melalui aktiviti latihan, pengkomersialan, keusahawanan dan perundingan	Jumlah pendapatan yang dijana melalui aktiviti latihan, pengkomersialan, keusahawanan dan perundingan
4 Meningkatkan pendapatan melalui pelaburan dan <i>Monetization of Asset</i>	Bilangan program berimpak tinggi yang dijalankan
5 Meningkatkan perolehan dana melalui zakat/waqaf/endowmen	Jumlah dana zakat/wakaf/endowmen yang diperoleh



Bergerak bersama sebagai satu pasukan dan satu keluarga serta sanggup berkorban untuk UMK dengan semangat

***ONE UMK
ONE DREAM!***

Bakat akademik dan pentadbiran, kita perlu bersama membangunkan 'pemimpin' dan pelapisnya bukan hanya untuk kelangsungan UMK, tetapi bagi memastikan UMK terus-menerus cemerlang pada masa hadapan.

TERAS 3

KEUNGGULAN BAKAT

Keunggulan sumber manusia adalah bergantung kepada sejauh mana Universiti merangka pelan hala tuju pembangunan sumber manusia agar diiktiraf bukan sahaja pada peringkat kebangsaan malahan juga pada peringkat antarabangsa iaitu melalui pengasimilasian etika yang baik dan nilai-nilai murni. Secara umumnya, ia sebenarnya boleh dinilai melalui inisiatif menonjolkan reputasi bakat akademik dan sokongan akademik yang seimbang, dinamik, keupayaan untuk berdaya saing dan multifungsi dan seterusnya menjadi pakar rujuk khususnya dalam bidang keusahawanan di persada kebangsaan dan antarabangsa.

Selain itu, inisiatif kolaborasi dengan industri dan sektor korporat turut dijadikan tumpuan dalam memastikan pemegang taruh terbesar di universiti iaitu pelajar dan masyarakat mendapat manfaat daripada kerjasama ini. Kepelbagaian inisiatif ini akan melahirkan kumpulan pakar rujuk dalam pelbagai bidang dan diiktiraf pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pengiktirafan ini secara langsung bakal meletakkan UMK sebaris dengan universiti tersohor lain di Malaysia dan pada peringkat serantau.




PENCAPAIAN STAF AKADEMIK BERKELAYAKAN PROFESIONAL/ PENGALAMAN INDUSTRI

65%

TAHUN 2020
SASARAN 35%

12%
TAHUN 2016
SASARAN 25%




Sumber:

Data Pejabat Pendaftar sehingga September 2020

OS3:

MEMPERKASAKAN STAF AKADEMIK YANG BERKELAYAKAN PROFESIONAL/BERPENGALAMAN DALAM INDUSTRI

🎯 KPI 3: Peratusan staf akademik yang berkelayakan profesional/berpengalaman dalam industri




Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Meningkatkan staf akademik berkelayakan PhD melalui perekrutan agresif dan program intensif PhD	Peratusan staf akademik yang berkelayakan PhD
2 Meningkatkan staf akademik yang mempunyai keahlian dalam badan profesional melalui skim sokongan pembiayaan	Peratusan staf akademik yang mempunyai kelayakan/keahlian badan profesional
3 Menaikkan bilangan <i>Graduate on Time</i> (GOT) PhD staf akademik melalui pemantauan/pementoran berkesan	Peratusan staf akademik yang menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan (GOT)
4 Meningkatkan staf akademik berpengalaman dalam industri sekurang-kurangnya enam (6) tahun melalui skim kompetitif	Peratusan staf akademik berpengalaman dalam industri

OS4:

MENINGKATKAN STAF AKADEMIK YANG DIKTIRAF SEBAGAI PAKAR RUJUK

Ⓞ KPI 4: Peratusan staf akademik diiktiraf sebagai pakar rujuk



Inisiatif Strategik

Pengukuran

1 Meningkatkan staf akademik dilantik sebagai Pensyarah Pelawat/Penasihat/Pakar Rujuk pada peringkat kebangsaan/antarabangsa

Peratusan staf akademik yang dilantik sebagai Pensyarah Pelawat/Penasihat/Pakar Rujuk


2 Meningkatkan staf akademik yang mendapat penganugerahan/pengiktirafan pada peringkat kebangsaan/antarabangsa

Peratusan staf akademik yang mendapat penganugerahan/pengiktirafan pada peringkat kebangsaan/antarabangsa

OS5:

MEMPERLUAS DAN MEMPERKASAKAN KELOMPOK BAKAT ('TALENT POOL')

🎯 KPI 5: Peratusan kelompok bakat mempunyai tahap kompetensi tinggi



Inisiatif Strategik

Pengukuran

- 1 Meningkatkan dan mengekalkan kelompok bakat berkompentensi tinggi melalui set standard pengukuran kompetensi

Peratusan kelompok bakat akademik yang mencapai skala purata 85% dan ke atas

Peratusan kelompok bakat bukan akademik yang mencapai skala purata 85% dan ke atas



Fakulti mempunyai kekuatan bukan sahaja pengalaman dari aspek P&P, tetapi juga kekuatan dari aspek penyelidikan, penerbitan ilmiah, penyeliaan, kredibiliti kepakaran dan sebagainya.

TERAS 4 KECEMERLANGAN DALAM PENYELIDIKAN DAN INOVASI

UMK bercita-cita untuk mengukuhkan asas penyelidikan dan inovasi yang telah ditetapkan bagi memenuhi keperluan penyelidikan dan inovasi negara yang terus meningkat dan kekal berdaya saing pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penghasilan penyelidikan dan inovasi yang berkualiti dapat menonjolkan keilmuan kesarjana dan keintelektualan penyelidik dalam kalangan bakat akademik. Sehubungan itu, pematuhan etika penyelidikan dan inovasi merupakan sesuatu yang sangat dititikberatkan dalam usaha melahirkan bakat akademik cemerlang yang berintegriti dan berakauntabiliti.

Bagi meningkatkan impak setiap penyelidikan yang dijalankan, UMK menerusi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC) sentiasa menekankan supaya penyelidik mempunyai kesedaran bahawa hasil aktiviti penyelidikan yang dijalankan harus berupaya memberi manfaat secara langsung kepada masyarakat dan negara. Kecemerlangan dalam penyelidikan dan inovasi terangkum secara keseluruhannya dalam memartabatkan reputasi universiti sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.



PENCAPAIAN GERAN PENYELIDIKAN

RM8,156,080

SASARAN RM8JUTA

Sumber:
Data Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi
sehingga Disember 2020





Universiti Malaysia
KELANTAN



CONGRATULATIONS
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN


RANKED 551-600

FIRST TIME EVER

OS6:

MEMARTABATKAN REPUTASI INSTITUSI PADA PERINGKAT KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA

🎯 KPI 6: Bilangan penarafan bintang/penarafan kedudukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa



Inisiatif Strategik

- 1 Melonjakkan reputasi universiti menerusi platform penarafan pada peringkat kebangsaan/antarabangsa

Pengukuran

Bilangan penarafan bintang yang diperoleh dalam *Malaysia Research Assessment (MyRA)*

Bilangan penarafan bintang yang diperoleh dalam *QS Stars*


Kedudukan dalam *QS Asia University Ranking*

Kedudukan dalam *QS World University Ranking*

OS7:

MELONJAKKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

🎯 KPI 7: Nisbah kumulatif sitasi




Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Meningkatkan penerbitan berindeks WoS/SCOPUS melalui pembangunan kapasiti	Bilangan artikel diterbitkan menggunakan Skim/Dana Penerbitan
2 Menaikkan pengambilan felo pasca kedoktoran melalui skim yang kompetitif	Bilangan felo pasca kedoktoran
	Bilangan artikel berindeks WoS (Q1/Q2) diterbitkan
3 Menambahkan pengambilan ahli akademik tersohor dalam dan luar negara melalui sokongan persekitaran dan penyelidikan yang kondusif	Bilangan artikel berindeks WoS/SCOPUS diterbitkan oleh felo pasca kedoktoran
	Bilangan artikel berindeks WoS/SCOPUS diterbitkan oleh ahli akademik tersohor

OS7:

MELONJAKKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

🎯 KPI 8: Bilangan penyelidikan dikomersialkan



Inisiatif Strategik

- 1 Meningkatkan penyelidikan yang dikomersialkan melalui kepelbagaian sokongan pendanaan dan kemudahan prasarana penyelidikan

Pengukuran

Bilangan projek pra-pengkomersialan

Bilangan projek pengkomersialan


Bilangan harta intelek yang didaftarkan



OS7:

MELONJAKKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

KPI 9: Peratusan Penyelidik Utama (PI) dalam geran penyelidikan




Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Meningkatkan penyelidikan pada peringkat dalaman, kebangsaan dan antarabangsa melalui strategi penyelidikan berfokuskan kepentingan negara dan berimpak tinggi	Peratusan staf akademik mendapat geran dalaman
	Peratusan staf akademik mendapat geran peringkat kebangsaan
	Peratusan staf akademik mendapat geran industri/ NGO/Agensi
	Peratusan staf akademik mendapat geran antarabangsa
2 Memperkasa penyelidikan berfokus melalui CoE/HiCoE/Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan	Bilangan CoE yang dinaik taraf ke HiCoE/Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan
	Bilangan geran peringkat kebangsaan diperoleh menerusi CoE/HiCoE/Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan
	Bilangan geran peringkat antarabangsa menerusi CoE/HiCoE/Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan

OS7:

MELONJAKKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

🎯 KPI 10: Bilangan pingat emas/khas dalam pertandingan inovasi



Inisiatif Strategik

- 1 Menambah pingat emas/khas dalam pertandingan inovasi

Pengukuran


Bilangan pingat emas/khas yang dimenangi anjuran peringkat kebangsaan/antarabangsa



OS7:

MELONJAKKAN AKTIVITI PENYELIDIKAN, INOVASI DAN PENGKOMERSIALAN

🎯 KPI 11: Nisbah (Bilangan) penerbitan artikel dalam jurnal dan prosiding berindeks



Inisiatif Strategik

- 1 Meningkatkan penerbitan artikel berindeks WoS/SCOPUS menerusi inisiatif dan insentif penerbitan

Pengukuran

Bilangan penerbitan artikel jurnal berindeks WoS/SCOPUS

Bilangan penerbitan artikel prosiding berindeks WoS/SCOPUS

SPECIAL COLLECTION
SOURCES LOUNGE



AMERICAN
CORNER



Menginsankan pelajar dengan menghasilkan pelajar
yang bersifat holistik dan seimbang yang kompeten

Don't
touch
it's
mine

TERAS 5 KERELEVANAN PROGRAM AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN

Pembangunan pendidikan keusahawanan merupakan teras utama untuk menuju ke arah universiti yang komprehensif. Program pengukuhan akademik yang berkesan mampu melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dan berkualiti dengan latar belakang akademik yang cemerlang dan mempunyai atribut keusahawanan, terutamanya keupayaan menjana peluang, kesanggupan mengambil risiko dan berinovasi serta mampu memberi daya saing tinggi dalam pelbagai keadaan.

Bagi merealisasikan strategi ini, UMK turut mengorak langkah untuk melipatgandakan usaha dengan meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa sekali gus menyediakan program yang memenuhi keperluan pasaran akademik antarabangsa. UMK turut mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam reka bentuk, *experiential learning* dengan mendedahkan para pelajar melalui pembelajaran berasaskan *hands-on* secara kaedah simulasi dan penglibatan pihak industri.



PENCAPAIAN PENARAFAN BERSEPADU INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA (SETARA) 2018/2019


Sumber:
Pejabat Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa) sehingga Disember 2020



OS8:

MENINGKATKAN ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA

🎯 KPI 12: Bilangan (Peratusan) pelajar antarabangsa



Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Menonjolkan reputasi program akademik melalui badan jaminan kualiti akademik antarabangsa	Bilangan program akademik yang mendapat akreditasi antarabangsa
2 Menggandakan program mobiliti/ <i>edutourism</i> melalui promosi	Bilangan program mobiliti/ <i>edutourism</i> yang dilaksanakan Bilangan pelajar antarabangsa menyertai program mobiliti/ <i>edutourism</i> / pengantarabangsaan
3 Menggandakan promosi bersasar kepada pelajar pascasiswazah melalui kerjasama alumni, ejen, <i>social influencer</i> dan rakan strategik universiti	Peratusan pelajar pascasiswazah antarabangsa

OS8:

MENINGKATKAN ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA



Inisiatif Strategik

- 4 Menyediakan pelbagai biasiswa bersasar kepada pelajar antarabangsa.
- 5 Meningkatkan mobiliti *inbound* melalui pertukaran pelajar bersama rakan strategik universiti (*International Student Exchange & Mobility Programmes*)
- 6 Menggandakan promosi antarabangsa yang bersasar kepada negara yang berpotensi melalui kerjasama alumni, ejen, *social influencer* dan rakan strategik universiti
- 7 Meningkatkan keterlihatan Universiti dalam talian secara lebih agresif melalui kebolehcapaian maklumat program akademik dan kurikulum


Pengukuran

- Jumlah biasiswa bersasar yang disediakan
- Bilangan pelajar mobiliti *inbound* antarabangsa
- Bilangan promosi antarabangsa disertai/dianjurkan
- Penilaian *webometrics* yang diperolehi daripada pelawat maya

OS9:

MENINGGIKAN PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN SECARA 'WORK BASED LEARNING' BAHARU

🕒 KPI 13: Bilangan program *Work Based Learning* baharu



Inisiatif Strategik

- 1 Menambah penawaran program 2u2i yang lebih menjurus ke arah *Problem Based Learning/ Experiential Learning* melalui program baharu atau penukaran mod pengajian program sedia ada (semakan kurikulum)

Pengukuran


Bilangan program mod pengajian 2u2i/3u1i ditawarkan



OS10:

MENINGKATKAN iGOT SARJANA MUDA

🎯 KPI 14: Peratusan iGOT di peringkat Sarjana Muda



Inisiatif Strategik

- 1 Mengesan pelajar berisiko untuk bergraduasi di luar tempoh melalui sistem *early-warning extend indicators* dan program intervensi susunan berterusan

Pengukuran


Peratusan pelajar berada dalam julat *early-warning extend indicators*

Bilangan program intervensi yang dijalankan

OS11:

MENGURANGKAN KECICIRAN PELAJAR PADA PERINGKAT SARJANA MUDA

🎯 KPI 15: Peratusan keciciran pelajar pada peringkat Sarjana Muda



Inisiatif Strategik

Pengukuran

1 Mengesan pelajar berisiko untuk tidak GOT melalui sistem *early-warning dropout indicators* dan program intervensi susulan berterusan

Peratusan pelajar berada dalam julat *early-warning dropout indicators*


2 Meningkatkan populariti penawaran program pengajian dalam sistem UPU melalui promosi berimpak tinggi

Peratusan pelajar memilih UMK sebagai universiti pilihan (julat 1 – 4) dalam sistem UPU

OS12:

MENINGKATKAN PENGANTARABANGSAAN INSTITUSI

🎯 KPI 16: Peratusan pensyarah antarabangsa



Inisiatif Strategik

- 1 Mengoptimumkan penggunaan skim khas bagi pengambilan pensyarah antarabangsa yang mampu melonjakkan keterlihatan universiti


Pengukuran

Peratusan peruntukan yang digunakan bagi pembiayaan pensyarah antarabangsa

OS12:

MENINGKATKAN PENGANTARABANGSAAN INSTITUSI

🎯 KPI 17: Bilangan pengantarabangsaan kurikulum program pengajian



Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Mengantarabangsakan kurikulum program akademik melalui pengakreditasi antarabangsa/badan profesional/ijazah berkembar (jaringan universiti tersohor)	Bilangan program akademik yang mendapat akreditasi antarabangsa
	Bilangan program akademik berbentuk ijazah berkembar (<i>dual awards</i>) dengan universiti antarabangsa
	Bilangan program akademik yang ditindikkan dengan badan profesional antarabangsa



Membina ekosistem keusahawanan dan melahirkan usahawan pelajar serta modal insan yang berminda usahawan

TERAS 6

KEBITARAAN KEUSAHAWANAN

Sejajar dengan tujuan Universiti yang berfokuskan keusahawanan, UMK kini terbukti merupakan Universiti Keusahawanan terbaik di Malaysia pada tahun 2020 di mana sebanyak 15% graduan usahawan telah berjaya dihasilkan. Malahan, UMK turut menyasarkan untuk menjadi sebuah Universiti Keusahawanan terbaik di rantau Asia dan disegani pada peringkat antarabangsa menjelang tahun 2030.


Sehubungan itu, UMK bertekad dan berusaha untuk memperkasakan kebitaraan keusahawanan dalam kalangan pelajar dalam usaha melahirkan graduan yang berpaksikan kepada nilai-nilai murni, berdaya

saing, berminda keusahawanan serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan dengan menyediakan ekosistem yang kondusif sebagai galakan kepada pelajar untuk bergiat aktif dalam pembangunan keusahawanan. Oleh itu, bagi mencapai matlamat ini, beberapa inisiatif strategi yang lebih berfokus dan inklusif telah disusun bagi memastikan UMK mencapai sasaran untuk menjadi Universiti Keusahawanan tersohor di persada antarabangsa. Secara inklusifnya, kebitaraan keusahawanan dalam memartabatkan reputasi Universiti pada peringkat antarabangsa boleh dilihat dalam aspek kejayaan menghasilkan pelajar usahawan dan graduan usahawan.



PENCAPAIAN USAHAWAN GRADUAN 2016-2020 SASARAN 10%


Sumber:
Data Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni
berdasarkan Data SKPG2.0 KPT
sehingga 1 Mac 2021



OS13:

MEMARTABATKAN REPUTASI INSTITUSI DALAM PERINGKAT KEBANGSAAN/ANTARABANGSA

Ⓞ KPI 18: Bilangan pengiktirafan dan penganugerahan keusahawanan dalam peringkat kebangsaan/antarabangsa




Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Melonjakkan pengiktirafan keusahawanan universiti melalui perakuan akreditasi badan jaminan kualiti keusahawanan antarabangsa	Bilangan akreditasi keusahawanan berprestij yang diterima
2 Meningkatkan anugerah keusahawanan melalui penyertaan dalam anugerah keusahawanan berprestij antarabangsa	Bilangan anugerah keusahawanan dalam peringkat kebangsaan/ antarabangsa yang dimenangi
3 Meningkatkan kepelbagaian kerjasama keusahawanan melalui jaringan kolaborasi yang berimpak tinggi	Bilangan kolaborasi keusahawanan yang dijalankan

OS13:

MENINGKATKAN PELAJAR MENJALANKAN PERNIAGAAN

🎯 KPI 19: Peratusan (Bilangan) Usahawan Pelajar (SE)



Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Memacukan aktiviti keusahawanan melalui penyediaan ruang inkubator keusahawanan yang kondusif	Peratusan pelajar yang menggunakan inkubator keusahawanan
2 Menambah dana pembiayaan syarikat pelajar melalui penyediaan dana perniagaan	Bilangan syarikat pelajar yang mendapat suntikan dana perniagaan
3 Meningkatkan usahawan tamu sebagai <i>business mentoring and coaching</i> melalui program pepadanan antara usahawan dengan syarikat pelajar	Bilangan usahawan yang dipadankan dengan syarikat pelajar

OS13:

MENINGKATKAN PELAJAR MENJALANKAN PERNIAGAAN



Inisiatif Strategik

- 4 Menambahkan kemahiran komunikasi keusahawanan melalui program cabaran inovasi (*pitching, innovation competition*)
- 5 Meningkatkan potensi pengkomersialan produk pelajar berasaskan inovasi/teknologi/digital melalui penyediaan platform berkesan

Pengukuran

Bilangan program cabaran inovasi yang disertai

Bilangan syarikat pelajar yang terlibat dalam program keusahawanan inovasi/teknologi/digital


Bilangan ikon keusahawanan/usahawan selebriti yang terlibat dalam inovasi/teknologi/digital

Bilangan pelajar yang mengkomersialkan produk berasaskan inovasi/teknologi/digital

OS14:

MENAMBAHKAN GRADUAN MENCEBURI BIDANG KEUSAHAWANAN

🎯 KPI 20: Peratusan (Bilangan) Usahawan Graduan (GE)



Inisiatif Strategik

- 1 Meningkatkan penempatan pelajar di syarikat sendiri melalui program latihan industri yang dipantau oleh universiti
- 2 Meningkatkan kemantapan usahawan graduan melalui program *Accelerator* dan *Business Pitching*

Pengukuran


Peratusan pelajar yang menjalani latihan industri di syarikat sendiri

Peratusan usahawan graduan menyertai program *Accelerator* dan *Business Pitching*

OS15:

MENGUKUHKAN SISTEM SOKONGAN PEMBELAJARAN, PENGAJARAN DAN PENYELIDIKAN KEUSAHAWANAN

🎯 KPI 21: Bilangan kajian kes/penyelidikan keusahawanan dalam pengajaran dan pembelajaran




Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Meningkatkan penghasilan kajian kes/penyelidikan keusahawanan melalui sokongan pendanaan	Jumlah peruntukan kajian kes/penyelidikan keusahawanan Bilangan kajian kes yang dihasilkan
2 Mengiktiraf program keusahawanan pelajar melalui penyeteraan dengan kokurikulum berkredit	Bilangan program keusahawanan yang disetarakan dengan kokurikulum berkredit (kredit kira/kredit dapat)
3 Meningkatkan pendedahan keusahawanan kepada pelajar melalui pemeraksanaan kursus selain teras keusahawanan universiti	Peratusan kursus selain teras keusahawanan yang mempunyai elemen keusahawanan secara <i>integrate/embed/infuse</i> Bilangan kokurikulum berkredit berteraskan keusahawanan

OS16:

MENINGKATKAN TENAGA PENGAJAR/PEMBIMBING DALAMAN DAN LUARAN YANG MEMPUNYAI KEPAKARAN DAN MENJADI PAKAR RUJUK KEUSAHAWANAN

🎯 KPI 22: Peratusan (Bilangan) kepakaran tenaga pengajar/pembimbing keusahawanan



Inisiatif Strategik	Pengukuran
1 Memperkasakan kepakaran keusahawanan staf akademik melalui pengiktirafan keusahawanan badan profesional antarabangsa	Peratusan staf akademik yang mendapat pengiktirafan profesional keusahawanan antarabangsa
2 Menambah staf berpengalaman usahawan melalui program sabbatical keusahawanan	Peratusan staf akademik yang menjalani sabbatical keusahawanan
3 Meningkatkan staf yang menjalani perniagaan melalui polisi syarikat terbitan dan syarikat hiran	Peratusan staf akademik yang memiliki syarikat terbitan dan syarikat hiran

2020 Asia-Pacific

Triple E Awards

Entrepreneurship and Engagement
Excellence in Higher Education



#ACEEU_Awards

KESIMPULAN


Pelan Strategik UMK 2021-2020 adalah terhasil daripada usaha dan semangat yang tinggi daripada semua warga UMK dari sudut penggabungan idea demi memastikan hala tuju Universiti dapat tercapai sepenuhnya dalam jangkamasa yang telah ditetapkan. Pelan yang digubal secara komprehensif dan inklusif ini mengambil ketetapan untuk memfokuskan kepada enam (6) teras terpenting UMK iaitu Teras Keunggulan Pelajar, Teras Kelestarian Kewangan, Teras Keunggulan Bakat, Teras Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi, Teras Kerelevanan Program Akademik dan Pengantarabangsaan, dan Teras Kebitaraan Keusahawanan. Pelan yang disediakan ini merupakan terjemahan terhadap hala tuju UMK yang memberi keutamaan kepada perkara penting dan berimpak tinggi yang boleh dicapai secara tahunan dan menggariskan dengan jelas bentuk Inisiatif Strategik yang perlu diambil bagi menjayakannya. Kedinamikan pelan strategik ini telah diambil kira berdasarkan kepada kefleksibelan inisiatif yang berkemungkinan akan berubah, bertambah atau berkurang dan hal ini bergantung kepada faktor kesesuaian dan keperluan semasa. Kesemua tindakan bagi setiap Inisiatif Strategik yang dirancang akan dapat dilihat dalam Pelan Tindakan Strategik bagi setiap peneraju.



Pelan yang digubal secara komprehensif dan inklusif ini mengambil ketetapan untuk memfokuskan kepada enam teras terpenting UMK.

Terhasilnya pelan strategik ini yang memakan masa hampir setahun adalah hanya mewakili 10% iaitu dalam fasa perancangan, manakala 90% lagi yang bertempoh 5 tahun adalah fasa pelaksanaan.

Sehubungan itu, semua proses membuat keputusan seperti penyediaan bajet tahunan dan perancangan utama lain perlu diselarakan sebaik mungkin dengan pelan strategik ini. Seluruh warga UMK kini akan berganding bahu untuk bersama-sama merealisasikan pelan ini melalui pelaksanaan dan pemantauan berterusan ke arah memacu UMK menjadi sebuah Universiti Keusahawanan terbaik bukan sahaja di rantau ini dan Asia, malahan turut disegani pada peringkat antarabangsa.



Kita perlu sentiasa menyemak keberadaan kita dan diukur dengan realiti yang berlaku di luar sana. Kita juga perlu menggandakan usaha agar kita 'dilihat' dan diiktiraf oleh semua.

A knowledge valley where noble ideas flourish, great entrepreneurship minds meet, innovate and create.



AKTIVITI PENGGUBALAN





SESI LIBAT SAMA BERSAMA LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



PENGHARGAAN

UMK ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara aktif sepanjang tahun dalam proses pembangunan Pelan Strategik UMK 2021-2025. Komitmen yang tinggi telah diterjemahkan melalui penglibatan aktif dalam bengkel anjuran pada peringkat dalam dan luar universiti dalam merangka masa depan UMK yang lebih gemilang. Berikut adalah semua kumpulan Peneraju dan jawatankuasa lain yang terlibat secara langsung dalam menghasilkan pelan strategik yang benar-benar mantap demi membawa aspirasi sebagai Universiti Keusahawanan terbaik bukan sahaja pada peringkat kebangsaan malah disegani pada peringkat antarabangsa.

PENAUNG

Prof. Dato' Dr. Noor Azizi Ismail
Naib Canselor

KETUA-KETUA PENERAJU

- Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob
Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)
- Prof. Dr. Ts. Arham Abdullah
Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
- Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Pn. Mazula Sabudin
Pendaftar
- Pn. Junaidah Badar
Bendahari
- Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad
Pengarah Kanan Institut Keusahawanan UMK

TERAS 1: KEUNGGULAN PELAJAR

Peneraju:

Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Ketua:

Prof. Ts. Dr. Zaliman Sauli

Ahli:

1. Prof. Dr. Mohd Azam Khan Goriman Khan
2. Prof. Madya. Ts. Dr. Aweng A/L Eh Rak
3. Dr. Shah Iskandar Fahmie Ramlee
4. Dr. Aswan Ismail
5. Dr. Syed Muhammad Al-Amsyar Syed Abd. Kadir
6. Ts. Dr. Muhamad Saufi Che Rusuli
7. En. Muhamad Anuar Ismail
8. En. Ahmad Fadzil Abd Rashid

TERAS 2: KELESTARIAN KEWANGAN

Peneraju:

Pejabat Bendahari

Ketua:

Pn. Junaidah Badar

Ahli:

1. Prof. Ir. Ts. Dr. Hj. Ahmad Rasdan Ismail
2. Prof. Madya Ts. Dr. Zuraimi Abdul Aziz
3. Prof. Madya Ts. Dr. Mohamad Faiz Mohd Amin
4. Ts. Wan Azlee Hj. Wan Abdullah
5. Dr. Dzulkifli Mukhtar
6. Dr. Hazriah Hasan
7. En. Mohd Yusri Awang
8. En. Mohd Shaharil Mohd Hassan
9. En. Mohd Fozae Samad (UMKBV)

TERAS 3: KEUNGGULAN BAKAT

Peneraju:

Pejabat Pendaftar

Ketua:

Pn. Mazula Sabudin

Ahli:

1. Prof. Dr. Roselina Ahmad Saufi
2. Prof. Dr. Khairil Wahidin Awang
3. Prof. Madya Dr. Noor Azlina Ibrahim
4. Pn. Nurhayati Ismail
5. En. Raja Azlan Raja Ismail
6. En. Mohd Zamri Ismail
7. Pn. Nor Hanim Mustafa

TERAS 4: KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Peneraju:

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua:

Prof. Ts. Dr. Arham Abdullah

Ahli:

1. Prof. Ir. Ts. Dr. Ahmad Ziad Sulaiman
2. Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Amir Zal Wan Ismail
3. Prof. Madya Dr. Shardy Abdullah
4. Dr. Hanisa Hassan
5. Prof. Dr. Mohd Saberi Tan Ah Chik @ Mohamad
6. Dr. Mohd Asrul Hery Ibrahim
7. En. Azman Hashim
8. En. Muhamad Hafizuddin Mat Nawi

TERAS 5: KERELEVANAN PROGRAM AKADEMIK DAN PENGANTARABANGSAAN

Peneraju:

Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa)

Ketua:

Prof. Dr. Mohd Rafi Yaacob

Ahli:

1. Prof. Dr. Suria Baba
2. Prof. Dr. Mohd Rosli Mohamad
3. Prof. Dr. Siti Zaiton Mohd Hashim
4. Prof. Madya Dr. Noor Hasmini Abd Ghani
5. Dr. Burhan Che Daud
6. Pn. Jamilah Taib
7. Pn. Aslina Abdullah
8. En. Azzhar Mohd Nawi

TERAS 6: KEBITARAAN KEUSAHAWANAN

Peneraju:

Pengarah Kanan
UMK Entrepreneurship Institute

Ketua:

Prof. Dr. Nik Maheran Nik Muhammad

Ahli:

1. Prof. Dr. Nik Marzuki Sidik
2. Prof. Madya Dr. Mohammad Ismail
3. Prof. Madya Dr. Azhar Muhammad
4. Ts. Dr. Maryana Mohamad Nor
5. Dr. Anis Amira Ab Rahman
6. En. Shaipuddin Muhammad
7. Pn. Puteri Nurainul Bismi Jondi

JAWATANKUASA PENULISAN, REKA LETAK DAN REKA BENTUK

Ketua:

Prof. Madya Ts. Dr. Zailani Abdullah

Ahli:

1. Prof. Madya Dr. Wan Amir Zal Wan Ismail
2. Prof. Madya Dr. Azwan Abdullah
3. Ts. Wan Azlee Hj. Wan Abdullah

4. En. Fairuladlan Hamadun
5. Cik Khuzaiton Zakaria
6. Pn. Norshazrina Sabri
7. Pn. Nurul Aadilah Salleh
8. Tuan Zulkipeli Tuan Yeh
9. Cik Noor Faedah Basary
10. En. Mohd Al Azam Mat Razi

SINGKATAN

UMK	Universiti Malaysia Kelantan
TNC (A&A)	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
TNC (P&I)	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
TNC (HEPA)	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

**KEKUATAN DAN PENCAPAIAN INI
ADALAH HASIL USAHA WARGA UMK
TERMASUKLAH KEPIMPINAN TERDAHULU**

Jutaan terima kasih kepada mantan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
dan kesemua mantan Naib Canselor dan mantan Timbalan Naib Canselor



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pusat Strategik & Risiko,
Universiti Malaysia Kelantan,
16310 Bachok, Kelantan, Malaysia.

ISBN 978-967-2912-38-5



9 789672 912385